

**RETHINKING THE STUDENT CENTRE
CADANGAN MEMBINA SEBUAH PUSAT PELAJAR UNIVERSITI
TEKNOLOGI MALAYSIA YANG BERUNJURAN DENGAN MASJID SULTAN
ISMAIL UTM, SKUDAI, JOHOR DARUL TAKZIM**

**SAIFUL FAZLI RAMLI
(Dip. in Arch. UTM)**

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana
Muda Senibina**

**Jabatan Senibina
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

Mac, 2004

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tentang satu manifestasi perjuangan yang diharungi oleh pelajar untuk menjadi seorang pemimpin dan bagaimana pengadaptasiannya ke dalam senibina. Kritikan dan kajian permasalahan dibuat ke atas bangunan pusat pelajar di universiti untuk mengkaji semula corak tipologi perancangan bangunan yang sebenar.

Hipotesis kajian ini adalah untuk menjanakan semula satu magnet pelajar di kawasan pusat pelajar dan menjadikan pusat pelajar satu bangunan yang menjadi platform kepada pembentukan sahsiah diri kepimpinan kepada pelajar yang bakal menjadi ketua pemimpin masa hadapan.

Tapak kajian yang dipilih adalah terletak di kawasan medan agora Universiti Teknologi Malaysia yang terletak ditengah-tengah kampus universiti. Secara kesimpulannya kajian ini dapat menghasilkan satu tesis dimana identiti perjuangan pelajar dapat diadaptasi kepada bangunan supaya ianya benar-benar menjadi satu landasan kepada mewujudkan tempat yang boleh melatih pemimpin di masa hadapan.